



JABATAN PERDANA MENTERI
MALAYSIA,
KUALA LUMPUR

Telefon: 203722
Kawat: PERDANA

Ruj. Kami: PM.17593/1

Tarikh: 8hb Sept, 1981

SURAT PEKELILING AM BIL. 8 TAHUN 1981

Semua Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri.

KEBERSIHAN DAN KEINDAHAN KAWASAN

Kerajaan telah menetapkan supaya kebersihan dan keindahan kawasan sekeliling menjadi satu cara hidup untuk diamalkan oleh semua pihak.

2. Bagi melaksanakan tujuan ini semua Ketua-ketua Setiausaha Kementerian dan Setiausaha-setiausaha Kerajaan Negeri adalah diminta memberi perhatian penuh atas kebersihan dan keindahan semua bangunan-bangunan awam termasuk bangunan-bangunan badan-badan berkanun di bawah kelolaan mereka.

3. Pegawai-pegawai di bangunan-bangunan tersebut hendaklah memastikan kawasan sekeliling bangunan-bangunan mereka hingga ke pinggir jalan sentiasa berada dalam keadaan bersih dan indah. Adalah digalakkan supaya pokok-pokok bunga dan pokok-pokok rendah yang boleh memberi naungan ditanam di tempat-tempat yang sesuai dan seterusnya diberi penyenggaraan yang berterusan supaya pokok-pokok itu hidup dengan subur.

4. Supaya kawasan di sekeliling bangunan-bangunan sentiasa berada dalam keadaan bersih, tong-tong sampah hendaklah disediakan di tempat-tempat yang tertentu dengan mencukupi supaya sampah sarap dapat dibuang dengan teratur. Tong-tong sampah yang rosak perlu digantikan segera.

5. Keindahan dan kebersihan di dalam pejabat juga perlu diberi perhatian. Pokok-pokok berpasu bolehlah ditempatkan di ruang-ruang pejabat yang lapang di mana sesuai. Kebersihan tandas-tandas di pejabat dan tandas-tandas awam hendaklah sentiasa di kawal. Kebersihan tandas-tandas awam terutamanya adalah dianggap sebagai langkah penting kearah meninggikan taraf kebersihan awam. Tandas-tandas yang rosak hendaklah diperbaiki segera.

6. Kemudahan-kemudahan yang dilengkapkan di bangunan-bangunan awam seperti jentera penghawa dingin dan lif-lif perlu dijaga dengan baik. Satu jadual kerja-kerja penyenggaraan kepada bangunan-bangunan dan jentera-jentera patutlah diadakan. Perhatian hendaklah diberi supaya kerja-kerja penyenggaraan dijalankan mengikut jadual.

7. Untuk melaksanakan keputusan di atas Kerajaan telah bersetuju menambahkan peruntukan penyenggaraan jika peruntukan penyenggaraan yang ada tidak mencukupi.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Hashim

(TAN SRI HASHIM BIN AMAN)
Ketua Setiausaha Negara.